

## CANTIK DAN KEMAS

Oleh

**NOURLIEDA BINTI ABDULLAH**  
ella0287@gmail.com

## ABSTRAK

Kajian ini menumpukan kepada usaha untuk membantu meningkatkan perkembangan koordinasi mata dan tangan subjek dalam aktiviti menulis. Selain itu, kajian ini dijalankan untuk menambahbaik amalan kendiri saya agar lebih berkesan dan bermakna. Subjek kajian saya dikenali sebagai Aaron yang berumur 6 tahun dari prasekolah Sekolah Kebangsaan Allamanda, Kuching. Oleh itu, daripada data awal kajian, saya dapat subjek kajian lemah dalam kawalan tangan dan mata. Menurut Hill & M. Dobbyn dipetik dari artikel Nur Khairunnisa Hanisah menyatakan bahawa latihan pergerakan tangan dan jari melalui aktiviti seperti menggunting, mengoyak, menampal, menguli doh serta mengumpal kertas. Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada kaedah aktiviti gosokan, origami, doh dan guntingan mampu membantu meningkatkan perkembangan motor halus subjek. Data yang diperoleh dianalisis melalui kaedah kualitatif yang menggunakan teknik pemerhatian, hasil kerja dan nota lapangan. Bagi menyokong kerelevan data, triangulasi kaedah dan sumber digunakan untuk mengukuhkan dapatan kajian saya. Hasil dapatan menunjukkan subjek boleh menulis dengan cantik dan kemas. Maka, penggunaan aktiviti gosokan, origami, doh dan guntingan dapat membantu meningkatkan perkembangan motor halus dari aspek kawalan tangan dan mata di samping membaiki amalan kendiri dalam pembelajaran dan pengajaran.

Kata kunci : Perkembangan, motor halus, gosokan, origami, doh, guntingan

## ABSTRACT

*This study emphasized on the effort of assisting in the development of eyes coordination and the respondent's hand in writing activities. Besides that, this study was carried out to improve my practice to be more meaningful as well as effective in my teaching. My respondent known as Aaron, aged 6 was from Sekolah Kebangsaan Allamanda, Kuching preschool. An early indication showed that my respondent was weak in hand and eyes control. According to Hill & M. Dobbyn from an article by Nur Khairunisa Hanisah which says that exercises on both hand and finger movement can be done through cutting, tearing, paste, dough and lumping up paper. Therefore I used the art activities by way of rubbing, origammy, dough and cutting in carrying out this study. Data obtained were analyzed qualitatively through observation of work produced and field notes. To support the reliability of data, it was triangulated by looking at the method and the resources. The findings indicated that my respondent can write articulately and beautifully. Therefore, using rubbing, origammy, dough and cutting can enhance the development of fine motor skills in terms of hand and eyes control while at the same time improve my practice in teaching and learning.*

*Key words:* Development of fine motor skills, rubbing, origammy, dough, cutting

## PENGENALAN

Saya seorang guru pelatih Program Ijazah Saujana Muda Pendidikan Prasekolah (PISMP) ambilan Januari 2009 di Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang (IPG KBL). Prasekolah merupakan pengkhususan major saya manakala Pendidikan Muzik dan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan merupakan pengkhususan minor. Saya telah menjalani tiga fasa praktikum sepanjang mengikuti program pengajian lima setengah tahun ini. Fasa pertama (PRK 1) selama sebulan di Sekolah Angsana (bukan nama sebenar), Fasa kedua pula (PRK 2) selama dua bulan di Sekolah Anggerik (bukan nama sebenar). Manakala, Fasa ketiga (PRK 3) di Sekolah Allamanda (bukan nama sebenar) selama tiga bulan. Ketiga-tiga fasa praktikum, memberi banyak pengalaman dan ilmu pengetahuan tentang strategi, kaedah, serta suasana pembelajaran dan pengajaran di prasekolah.

### Refleksi Pembelajaran dan Pengajaran

Perkara pertama yang paling ketara saya perhatikan selama menjalani praktikum adalah pendedahan awal kaedah menulis dan aktiviti pengukuhan dalam mengembangkan koordinasi mata dan tangan murid kurang dilaksanakan oleh guru-guru prasekolah. Sepanjang tiga bulan saya berpraktikum di salah sebuah sekolah di Kuching, saya berpeluang mengajar murid huruf vokal dan konsonan. Saya juga mengajar murid-murid menulis huruf, mewarna serta melukis bentuk dengan kemas dan betul. Apa yang menjadi masalah, ada beberapa orang murid yang masih tidak dapat menulis dengan kemas, walaupun telah diajar dengan teknik yang betul. Salah seorang daripada murid tersebut mengalami masalah koordinasi mata dan tangan yang sangat lemah. Saya telah membimbing murid dengan memegang tangan mereka untuk membantu mereka menulis dengan kemas dan cantik.

Kemahiran menulis merupakan kemahiran yang sering dihadapi oleh murid-murid prasekolah. Pada praktikum sebelumnya, masalah yang sama juga pernah dihadapi oleh murid-murid prasekolah. Walaupun sudah setahun berada di prasekolah, namun kemahiran menulis masih lemah dan tidak kemas.

Walaupun telah didedahkan dengan teknik yang betul oleh guru prasekolah, namun masalah menulis masih lagi terjadi. Menurut Miriam Stoppard (1991), yang dipetik dari artikel Nor Ilyanah Binti Othman, kanak-kanak yang berumur enam tahun sudah pandai menggunakan pensil dan berus lukisan.

Oleh itu, saya merasakan saya perlu mencuba kaedah yang boleh membantu mengukuhkan perkembangan koordinasi mata dan tangan mereka. Dengan cara ini, murid dalam memperkembangkan kemahiran motor halus mereka dan menulis dengan kemas dan cantik. Berdasarkan penelitian yang telah dibuat, saya memfokuskan kajian saya kepada perkembangan motor halus yang melibatkan koordinasi mata dan tangan murid.


Menurut Hill & M Dobbyn dipetik dari artikel Nur Khairunisa Hanisah binti Mohd Yasmin menyatakan latihan pergerakan tangan dan jari melalui aktiviti seperti menggunting, mengoyak, menampal, menguli plastisin, mengumpal kertas dan

sebagainya. Saya mencadangkan aktiviti seni seperti guntingan, origami, gosokan dan doh sebagai intervensi untuk membantu meningkatkan perkembangan motor halus subjek kajian. Aktiviti ini merupakan salah satu teknik yang boleh membantu kanak-kanak meningkatkan koordinasi mata dan tangan mereka.

Berdasarkan refleksi pengajaran dan pembelajaran lepas, berikut dinyatakan fokus kajian tindakan saya.

### Fokus Kajian

Kajian ini memberi tumpuan kepada usaha untuk membantu meningkatkan perkembangan koordinasi mata dan tangan kanak-kanak. Di samping itu, tujuannya adalah untuk mengurangkan masalah kemahiran menulis. Masalah koordinasi mata dan tangan subjek dikenalpasti melalui tinjauan pada hasil kerja dan pemerhatian di dalam kelas prasekolah. Didapati Aaron mengalami masalah koordinasi mata dan tangan. Melalui hasil kerja yang dianalisis pada tinjauan awal, Aaron sukar untuk menggunakan kemahiran motor halus dalam menulis dan mewarna. Rajah 1 menunjukkan Aaron tidak dapat menulis dengan cantik dan kemas walaupun dengan menggunakan buku garis tiga.



Rajah 1 ; Data awal menunjukkan masalah Aaron

### Objektif Kajian

Saya melihat objektif kajian saya dari dua perspektif iaitu objektif umum dan objektif khusus seperti berikut :

#### Objektif Umum

Objektif umum bagi kajian ini adalah untuk membantu meningkatkan perkembangan motor halus kanak-kanak.

#### Objektif Khusus

Ekoran daripada tinjauan awal tersebut, kajian ini dijalankan bertujuan untuk:

- Mempertingkatkan perkembangan koordinasi mata dan tangan dalam aktiviti menulis oleh murid-murid.
- Mengembangkan perkembangan motor halus murid-murid serta menghasilkan hasil kerja yang cantik dan kemas.

### Persoalan Kajian

Kajian ini menguji beberapa soalan, iaitu :

- Adakah aktiviti gosokan dan origami membantu mengembangkan keupayaan koordinasi mata dan tangan murid-murid?
- Adakah aktiviti guntingan dan doh membantu mengembangkan keupayaan koordinasi mata dan tangan murid-murid?
- Sejauhmana penyelidikan ini membantu meningkatkan amalan kendiri saya?

## PELAKSANAAN TINDAKAN

Melalui perancangan tindakan yang dijalankan, saya telah melaksanakan tindakan saya seperti berikut.

### Aktiviti Gosokan

Peringkat pertama adalah gosokan secara bebas menggunakan bahan berbentuk pelekat ‘abc’. Subjek menggosok pada kertas kosong yang disediakan dengan menggunakan krayon. Peringkat kedua saya teruskan dengan gosokan (geometri) dengan menggunakan bahan yang sama. Bahan-bahan yang saya digunakan adalah seperti span kasar, kertas pasir, kertas pembalut berbintik, daun kering dan ‘art nail’. Saya menyediakan gambar yang berbentuk geometri kepada Aaron untuk membuat gosokan seperti dalam Rajah 2. Peringkat ketiga pula saya teruskan dengan memberikan gambar yang memiliki ruang kecil. Ringkasan peringkat untuk aktiviti guntingan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1a.



Rajah 2 : Aaron sedang membuat aktiviti gosokan peringkat kedua.

Jadual 1a: Peringkat-peringkat Aktiviti Gosokan

Peringkat	Tindakan
Peringkat 1	Gosokan bebas
Peringkat 2	Gosokan gambar (geometri)
Peringkat 3	Gosokan gambar (ruang kecil)
Pengukuhan	Lembaran kerja

### Aktiviti Origami

Selepas masa rehat, saya mengambil masa sedikit untuk menjalankan aktiviti origami terhadap subjek kajian. Aktiviti origami ini, saya jalankan di luar bilik kelas prasekolah. Peringkat pertama langkah ini dimulakan dengan membuat origami bersaiz besar dengan menggunakan bahan-bahan seperti kertas berwarna berbentuk segi empat sama. Dengan menggunakan kertas berwarna bersaiz besar, saya dan subjek bersama-sama melakukan aktiviti origami ini untuk membantu subjek meningkatkan perkembangan motor halusnya. Peringkat kedua langkah ini adalah dengan menghasilkan origami bersaiz sederhana. Dengan menggunakan saiz kertas berwarna yang saiznya lebih kecil, subjek membuat origami. Peringkat ketiga pula, saya menggunakan kertas berwarna bersaiz kecil yang telah disediakan seperti dalam Rajah 3. Dengan menggunakan cara lipatan yang mudah, subjek akan mengikuti langkah-langkah lipatan bersama-sama saya. Langkah ini diakhiri dengan lembaran kerja (menulis) yang telah disediakan untuk memperlihat pengukuhan perkembangan motor halusnya semasa menulis.

Ringkasan peringkat untuk aktiviti guntingan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1b.



Rajah 3 : Peringkat ketiga aktiviti origami.

Jadual 1b : Peringkat-peringkat Aktiviti Origami

Peringkat	Tindakan
Peringkat 1	Kertas saiz besar
Peringkat 2	Kertas saiz sederhana
Peringkat 3	Kertas saiz kecil
Pengukuhan	Lembaran kerja

### Aktiviti Doh

Dengan menggunakan plastisin pelbagai warna dan bentuk ini, Aaron ditemani rakannya untuk menghasilkan bentuk-bentuk mudah dengan menggunakan acuan tersedia. Bimbingan diberikan sepanjang aktiviti dijalankan. Saya membuat perhatian ke atas pergerakan subjek semasa menjalankan aktiviti doh ini. Peringkat seterusnya dengan menggunakan doh, saya meminta beliau untuk membentuk beberapa huruf a hingga z. Huruf yang dipilih oleh subjek adalah huruf 'i', 'o', 'c'. Subjek akan membentuk huruf-huruf berkenaan dengan kreativiti sendiri. Dengan berbekalkan panduan carta huruf, subjek meniru bentuk huruf-huruf yang dipilih. Peringkat terakhir dalam langkah ketiga ini adalah peringkat membentuk haiwan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4. Saya mengarahkan subjek untuk membuat bentuk ikan, rama-rama, cicak, kucing dan ular. Subjek seronok dengan aktiviti yang dijalankan. Diakhiri aktiviti ini, saya telah menyediakan lembaran kerja (menulis) kepada subjek. Ringkasan peringkat untuk aktiviti guntingan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1c.



Rajah 4 : Aaron sedang membentuk seekor cicak

Jadual 1c : Peringkat-peringkat Aktiviti Doh

Peringkat	Tindakan
Peringkat 1	Acuan
Peringkat 2	Huruf
Peringkat 3	Haiwan
Pengukuhan	Lembaran kerja

### Aktiviti Guntingan

Subjek dibekalkan dengan gunting dan gam untuk menjalankan aktiviti ini. Peringkat pertama aktiviti guntingan ini, saya mendarahkan subjek untuk menggunting bebas sekeping kertas ( majalah lama ). Peringkat kedua adalah dengan menggunting gambar bersaiz besar yang telah disediakan oleh saya. Saya memberi subjek gambar rumpai laut bersaiz A4 untuk digunting. Peringkat ketiga dalam aktiviti guntingan ini adalah menggunting gambar bersaiz kecil. Aaron menggunting gambar bersaiz kecil dengan bimbingan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5. Subjek menggunting dengan perlahan-lahan gambar tersebut. Selesai subjek menggunting, lembaran kerja diberikan kepada subjek. Ringkasan peringkat untuk aktiviti guntingan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1d.



Rajah 5 : Aaron menggunting gambar dalam peringkat kedua

Jadual 1d : Peringkat-peringkat Aktiviti Guntingan

Peringkat	Tindakan
Peringkat 1	Guntingan lurus
Peringkat 2	Guntingan gambar besar
Peringkat 3	Guntingan gambar kecil
Pengukuhan	Lembaran Kerja

### Peserta

Aaron bersekolah di Sekolah Kebangsaan Allamanda (bukan nama sebenar). Subjek merupakan seorang yang memiliki personaliti yang ceria dan suka tersenyum sekiranya subjek disoal. Subjek juga seorang yang pendiam, namun apabila subjek bergaul dengan rakan-rakannya dalam kumpulan, subjek seorang yang sangat aktif. Semasa pembelajaran dan pengajaran, subjek tidak menumpukan perhatian, malah subjek suka termenung dan berkhayal. Prestasi bacaan subjek sangat lemah. Subjek juga masih belum mengenal huruf a hingga z sepenuhnya. Malah, masih belum mengecam nombor 1 hingga 10 dengan baik. Selain itu, interaksi subjek semasa pembelajaran dan pengajaran juga pasif. Namun, apabila menggunakan kaedah bermain seperti menulis di papan putih dan memadan gambar, subjek aktif melibatkan diri. Subjek mengalami masalah perkembangan motor halus melibatkan koordinasi mata dan tangan yang lemah.

### Etika Penyelidikan

Saya telah mendapat kebenaran daripada guru besar SK Allamanda untuk menjalankan penyelidikan tindakan di sekolah tersebut pada hari pertama melapor diri. Selain itu, saya juga meminta kebenaran daripada Aaron untuk mengambil gambar serta menjalankan kajian terhadapnya secara lisan.

## METODOLOGI

Dalam kajian ini, saya menggunakan metodologi kualitatif bagi mengumpul dan menganalisa data yang diperoleh. Metodologi kualitatif ini merujuk kepada kaedah yang berbentuk naratif bagi menerangkan data yang diperoleh. Tambahan, saya menggunakan teknik hasil kerja, pemerhatian dan nota lapangan sebagai kaedah pengumpulan data saya. Di samping itu, saya menggunakan analisis kandungan dan pemerhatian untuk menganalisa data yang saya peroleh dan disokong dengan menggunakan triangulasi kaedah dan triangulasi sumber untuk mendapatkan maklumat yang relevan bagi mengukuhkan dapatan kajian.

### Cara Mengumpul Data

Saya telah menggunakan teknik pengumpulan data berbentuk dokumen seperti hasil kerja dan nota lapangan. Setiap lembaran kerja yang diberikan kepada Aaron disimpan dalam bentuk fail untuk memudahkan saya membuat rujukan dan merancang tindakan selanjutnya.

Saya juga telah mengumpul nota lapangan sebagai rujukan untuk membuat analisa data. Nota lapangan ini dilakukan setiap aktiviti tindakan dijalankan. Setiap perkara yang berlaku pada aktiviti tersebut, dicatatkan dalam nota lapangan tersebut.

Selain itu, kaedah pemerhatian turut saya gunakan dalam kajian ini. Pemerhatian dijalankan dan berdasarkan pemerhatian tersebut saya akan catatkan pada nota lapangan. Rajah 6 menunjukkan pemerhatian saya terhadap Aaron semasa melakukan aktiviti doh.



Rajah 6 : Aaron sedang bermain dengan doh

### Cara menganalisis data

Saya telah membuat analisis kandungan dengan membandingkan hasil kerja Aaron sepanjang aktiviti dijalankan. Berdasarkan analisis tersebut, saya mendapati Aaron telah banyak mengalami peningkatan dalam pekembangan motor halusnya. Perbezaan sangat ketara daripada data awal yang diperoleh berbanding dengan data yang diperoleh selepas kajian seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 7.



Rajah 7 ; Perbandingan data awal dan hasil dapatan bagi tulisan Aaron


### Cara Menyemak Data

Saya telah menggunakan triangulasi kaedah dalam menyemak data yang diperoleh sama ada kemahiran koordinasi mata dan tangan Aaron berkembang dan tulisan Aaron bertambah kemas. Dalam triagulasi kaedah ini, saya menggunakan hasil kerja Aaron sebagai medium untuk menyemak data yang diperoleh relevan dengan persoalan yang telah dikemukakan. Di samping itu, saya menggunakan nota lapangan untuk mengukuhkan kajian saya seperti dalam Rajah 8. Manakala, Rajah 9 menunjukkan hasil kerja Aaron yang menunjukkan perkembangan dalam koordinasi mata dan tangan Aaron semasa menulis.

Menunjukkan subjek aktiviti yang dijalankan boleh membantu perkembangan motor halusnya

Perkara	Catatan
Peringkat 3 Membuat bentuk haiwan yang digemari	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Boleh membentuk haiwan yang digemarinya.</li> <li>- kawalan tangan dan mata semakin baik</li> <li>- perlu kan bimbingan</li> </ul>
Lembaran Kerja	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Boleh menulis dengan kemas.</li> <li>- Kawalan tangannya baik</li> <li>- Masih memerlukan bimbingan berterusan.</li> </ul>

Rajah 8 : Nota Lapangan Aktiviti Doh




Rajah 9 : Hasil Kerja Aaron

Selain itu, saya juga menggunakan triangulasi sumber bagi mengukuhkan data kajian ini. Sumber yang saya gunakan adalah rakan sepraktikum saya, Faizah dan Puan Hajah selaku guru pembimbing saya. Saya telah buat perbandingan maklumat daripada sumber-sumber yang saya dunakan bagi mengesahkan kerelevanannya yang saya perolehi. Hasil perbincangan tersebut, mereka bersetuju bahawa Aaron mengalami masalah pembelajaran di dalam kelas, lebih-lebih lagi dalam kemahiran yang melibatkan kawalan tangan dan mata.

### DAPATAN

Berdasarkan perolehan data yang saya kumpulkan, saya mendapati dalam aktiviti gosokan dan origami, Aaron tidak mengalami masalah dalam kawalan tangan semasa menulis. Akan tetapi, berbeza dengan semasa Aaron melakukan aktiviti origami tersebut. Masalah koordinasi mata dan tangan Aaron boleh dilihat dengan jelas kelemahannya. Ada kalanya, Aaron sukar untuk menghasilkan origami yang mudah walaupun telah diberi bimbingan bersama semasa membuat origami tersebut. Namun, hasil dapatan mendapati, tulisan Aaron dapat diatas dengan baik. Aaron boleh menulis dengan kemas dan cantik berbanding dengan data awal yang diperoleh sebelumnya.

Beberapa juga dengan aktiviti guntingan dan doh, Aaron seronok dengan aktiviti yang dijalankan. Namun, pada aktiviti guntingan, saya mendapati kawalan tangan Aaron tidak memuaskan kerana Aaron tidak dapat menggunting mengikut garis gambar yang disediakan tersebut. Aaron akan meninggalkan lebihan kertas di tepi garisan gambar seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5. Namun, sebaliknya berlaku pada hasil kerja (menulis) Aaron. saya mendapati tulisan Aaron lebih kemas dan dapat dibaca dengan mudah. Tulisannya pula sederhana saiz dan Aaron menulis di atas garis yang disediakan dengan kemas seperti dalam Rajah 10.



Rajah 10 : Tulisan Aaron selepas intervensi dijalankan

Secara kesimpulannya, saya mendapati perkembangan Aaron telah membantunya untuk membaiki tulisannya. Walaupun didapati semasa aktiviti, kawalannya sangat lemah, namun ianya tidak mengganggu dirinya dalam menulis lembaran kerja yang diberikan tersebut. Hasil dapatan ini menunjukkan, Aaron boleh mengawal koordinasi mata dan tanggannya semasa menulis dan Aaron perlu digalakkan dengan menjalani aktiviti-aktiviti yang melibatkan motor halus supaya Aaron boleh menulis, menggunting, menguli dan membuat origami dengan mudah dan lancar.

Di samping membantu subjek kajian saya membaiki kelemahan pada dirinya, saya juga dapat meningkatkan kelemahan dalam amalan kendiri saya sebagai seorang guru. Selain dapat meningkatkan pemahaman dan pengalaman diri untuk mengawal dan mengendalikan murid-murid prasekolah, saya juga boleh membaiki kaedah dan strategi pembelajaran dan pengajaran saya. Dahulunya, saya hanya memfokuskan kepada pencapaian terhadap hasil pembelajaran, namun sekarang saya perlu selitkan aktiviti-aktiviti yang bermakna dan berkesan kepada murid-murid prasekolah supaya hasil pembelajaran dapat dicapai dengan suasana yang kondusif dan berkesan. Apabila suasana pembelajaran dan pengajaran kondusif, murid-murid lebih berminat dan seronok dengan pembelajaran di dalam kelas. Oleh itu, amalan kendiri saya dapat diperbaiki dan ditingkatkan dengan lebih bermakna dan berkesan bagi menghasilkan pembelajaran dan pengajaran yang kondusif kepada murid-murid prasekolah.

### Refleksi Selepas Dapat

Saya mendapati subjek kajian seronok dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan terhadapnya. Kajian yang dijalankan semasa menjalani praktikum yang lepas memberikan implikasi yang mendalam kepada amalan kendiri saya, murid dan kajian seterusnya. Kajian berkaitan dengan kemahiran motor halus ini amat menarik minat saya setelah melihat banyak kelemahan berkaitannya dilakukan oleh murid-murid prasekolah. Saya sedar bahawa jika saya hendak mengatasi masalah motor halus, maka saya perlu mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap murid-murid yang saya ajar.

Selain itu, selepas menjalankan penyelidikan ini, saya mendapati bahawa pemilihan aktiviti sesi pengajaran dan pembelajaran amat penting dalam memupuk dan membantu murid-murid meningkatkan perkembangan mereka sama ada dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan juga sosial. Penyelidikan ini memberi kesedaran

kepada saya sebagai seorang guru prasekolah tentang masalah kelemahan murid-murid dalam motor halus terutamanya koordinasi mata dan tangan. Penyelidikan ini memberi pengalaman kepada saya meningkatkan pembacaan saya serta mencari penambahbaikan dalam amalan kendiri.

Saya turut mendapati, aktiviti seni kurang dijalankan di prasekolah. Aktiviti seni merupakan salah satu komponen dalam tunjang prasekolah kerana ianya mampu membantu murid-murid meningkatkan perkembangan dan pertumbuhan mereka secara sihat dan seronok di prasekolah. Sediakan sekurang-kurangnya satu aktiviti luar yang melibatkan pergerakan motor halus terhadap murid-murid dalam membantu mereka mengembangkan potensi mereka. Murid-murid akan lebih aktif dalam pembelajaran dan pengajaran yang menarik dan menyeronokkan.

Aktiviti seni menggalakkan potensi kanak-kanak berkembang secara maksimum untuk meningkatkan koordinasi mata dan tangan mereka. Kanak-kanak prasekolah suka kepada suasana pembelajaran yang kondusif melibatkan aktiviti seperti gosokan, guntingan, origami dan doh. Seperti yang dinyatakan oleh tokoh-tokoh sebelumnya, bahawa perkembangan kanak-kanak berkembang secara maksimum pada peringkat ini. Galakkan aktiviti-aktiviti seperti menggunting, bermain pasir serta membuat doh dalam pengajaran dan pembeajaran dalam meningkatkan motor halus kanak-kanak.

Penyelidikan tindakan merupakan ilmu baharu yang saya pelajari dan aplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran semasa menjalani praktikum di sekolah. Ilmu penyelidikan tindakan seperti kertas cadangan, pelaksanaan, pelaporan dan refleksi telah saya peroleh melalui kuliah. Saya juga mendapat idea daripada artikel-artikel penyelidikan. Pelbagai jenis jurnal dan laporan penyelidikan tindakan dirujuk untuk membantu saya memahami penyelidikan tindakan dengan lebih mendalam memandangkan ini merupakan perkara baharu bagi saya.

### **Implikasi Kajian**

Kesan penyelidikan turut disertakan dalam kajian ini. Berdasarkan kajian ini, saya akan menyentuh sedikit implikasi tindakan ini terhadap murid, implikasi terhadap amalan kendiri dan implikasi terhadap kurikulum.

### **Implikasi Kajian Terhadap Murid**

Pembelajaran yang menarik akan membantu kanak-kanak berminat untuk terus mengikuti pembelajaran dan pengajaran yang dijalankan. Sedia maklum bahawa, kanak-kanak merupakan insan yang suka akan keseronokan dan kegembiraan. Bermain merupakan lumrah semula jadi dalam kehidupan kanak-kanak. Oleh itu, melalui penyelidikan tindakan yang dijalankan membantu kanak-kanak untuk meningkatkan kelemahan diri mereka sama ada dari aspek fizikal, mental, emosi, sosial dan rohani.

Kesannya, kanak-kanak dapat meningkatkan perkembangan motor halusnya dan memudahkan untuknya membaca dan mengira. Selain itu, kanak-kanak dapat membaiki kelemahan dalam tulisan. Daripada tidak kemas kepada kemas. Sesungguhnya, kanak-kanak pada masa ini merupakan peringkat industry dan penuh dengan produktivitinya. Oleh itu, dengan adanya aktiviti yang sesuai, kanak-

kanak dapat meningkatkan produktivitinya dan membaiki kelemahan dalam dirinya sendiri disamping belajar dalam suasana kondusif. Lantas, penyelidikan ini mampu melahirkan dan mewujudkan hubungan rapo antara guru dan kanak-kanak. Disamping, meningkatkan keupayaan kanak-kanak dari pelbagai aspek yang ditekankan tersebut.

### **Implikasi Terhadap Amalan Kendiri**

Penyelidikan tindakan merupakan salah satu medium untuk para guru membaiki kelemahan amalan kendiri mereka. Melalui penyelidikan ini, guru boleh mengenalpasti kelemahan dan kekuatan kaedah, strategi serta teknik pembelajaran dan pengajaran yang sesuai diajar di peringkat prasekolah ini. Bukan mudah untuk menghasilkan pembelajaran dan pengajaran yang berkesan terhadap kanak-kanak. Tanpa kaedah yang bersesuaian dengan tahap kanak-kanak, pembelajaran dan pengajaran tidak berlangsung dengan berkesan. Bahkan, kanak-kanak lebih bosan dan mewujudkan suasana pembelajaran dan pengajaran yang tidak kondusif di dalam kelas.

Oleh itu, melalui penyelidikan tindakan ini, guru dapat meningkatkan kebolehan, potensi dan pengalaman dalam mengendali, mengurus serta mengawal keadaan kelas supaya pembelajaran dan pengajaran berlangsung dengan bermakna dan berkesan terhadap diri serta kanak-kanak. Bukan sahaja meningkatkan ilmu dan pengalaman, malah guru mampu mewujudkan kestabilan emosi dan sosial dalam amalan kendirinya dengan menekankan sikap sabar, penyayang, kecindan serta inovatif dalam pembelajaran dan pengajaran supaya amalan kendiri dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa untuk generasi yang akan datang kelak.

### **Implikasi Terhadap Kurikulum**

Kementerian Pelajaran Malaysia telah mewujudkan Kurikulum Standart Prasekolah Kebangsaan (KSPK), yang memperuntukan enam tunjang berkenaan dengan pembelajaran dan pengajaran prasekolah. Keenam-enam tunjang yang diperuntukan itu merangkumi aspek yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Sebagai seorang guru prasekolah, KSPK merupakan panduan utama pembelajaran dan pengajaran seharian mereka. Pelbagai aspek ditekankan dalam KSPK untuk membantu kanak-kanak berkembang malah guru membaiki amalan kendiri mereka.

Selain itu, diterapkan juga aktiviti-aktiviti yang bersesuaian dengan tahap kemampuan kanak-kanak. Penyelidikan ini membantu dalam mengenalpasti keberkesanannya KSPK dalam menjana kanak-kanak yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan juga sosial seperti mana terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan itu sendiri. Tugas guru haruslah mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif, kanak-kanak aktif; lantas melahirkan insan yang seimbang.

### **Cadangan Kajian Seterusnya**

Tindakan dalam penyelidikan ini boleh ditingkatkan dengan menggunakan kaedah menggunakan buku garis satu atau tiga serta penekanan terhadap cara pegangan pensel. Kaedah ini merupakan kaedah asas yang dilaksanakan di prasekolah. Penggunaan buku juga amat penting kepada murid-murid prasekolah. Penggunaan

buku bergaris ini merupakan panduan kepada mereka untuk menulis dengan tersusun dan kemas.

Seorang guru prasekolah perlu peka terhadap perkembangan murid-muridnya. Penting bagi seorang guru mengenali murid-muridnya kerana membantu guru mencari dan memikirkan kaedah yang sesuai untuk murid-muridnya belajar. Berdasarkan pengalaman sebelumnya, guru prasekolah telah menggunakan buku garis satu untuk permulaan pembelajaran menulis. Seterusnya, diperkuuhkan lagi dengan cara memegang pensel dengan betul. Dedahkan kanak-kanak dengan cara pegangan yang betul, sekiranya cara yang digunakan adalah salah, kanak-kanak akan mengalami masalah tulisan. Oleh itu, aspek buku bergaris dan cara pegangan pensel penting dalam membantu mengembangkan koordinasi mata dan tangan kanak-kanak Prasekolah.

## RUJUKAN

Dayang Nurmalisa Binti Abang Mohd Selanie. (2010). Buku Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2010 IPG KBL (BM Pendidikan Rendah), ms 126-139:*Kesan Pendekatan Bimbingan Secara Individu Dalam Membantu Murid Tahun Tiga Membaiki Tulisan Bahasa Melayu*. Kuching. Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang

Nor Ilyannah binti Othman. Aktiviti Pratulisan Dapat Membantu Kemahiran Menulis Huruf Dalam Kalangan Kanak-kanak Prasekolah dimuat turun daripada <http://ipbmm.edu.my/images/Berita/PenyelidikanTindakan/ArtikelPelajar/2011/aktiviti%20pratulisan%20dapat%20membantu%20kemahiran%20menulis%20huruf.pdf>

Nur Khairunnisa Hanisah binti Mohd Yashim. Penggunaan Kaedah Menyambung Titik Membantu Murid Prasekolah Menulis Huruf Dengan Kemas Dan Baik dimuat turun daripada <http://ipbmm.edu.my/images/Berita/PenyelidikanTindakan/ArtikelPelajar/2011/penggunaan%20kaedah%20menyambung%20titik%20membantu.pdf>

Saayah Abu. (2007). Menjadi Guru Tadika. Kuala Lumpur. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd

Shahabuddin Hashim, Mahani Razali & Ramlah Jantan. (2003). PSIKOLOGI PENDIDIKAN. Kuala Lumpur. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.